

19/06/1999

Mahathir bertindak balas (HL)

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memulangkan paku buah keras terhadap pengkritik kerajaan, Umno, Barisan Nasional (BN) dan dirinya sendiri.

Beliau mendedah dan mengulas secara terperinci rentetan peristiwa yang membawa kepada penyingkiran Datuk Seri Anwar Ibrahim serta kenapa pelbagai pihak di dalam dan luar negara menggunakan isu itu untuk membelasah kerajaan dan kepemimpinannya.

Malah, dalam ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini, Dr Mahathir turut mengulas pengakuan sebuah badan kajian dasar di Amerika Syarikat (AS) bahawa ia dibiayai kumpulan bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Menurut Perdana Menteri, Presiden Pusat Kajian Dasar Asia Timur, Douglas Paal mengaku pihaknya berpakat dan menerima sumbangan kewangan daripada Anwar dan rakan-rakannya.

"Ini penjelasan daripada seorang Amerika yang bernama Paal, yang biasa saya bertemu di sini kerana dia 'admitted that his center had collaborated with Anwar and had benefited from donations from Anwar and associates' (mengaku bahawa pusat kajiannya bersubahat dengan Anwar dan mendapat faedah daripada derma Anwar dan sekutunya).

"Ini pengakuan yang dicatat dalam laporan Bernama dari Washington. Ini jelas menunjukkan ada kerjasama antara orang dalam dengan orang luar. Paal ini sudah tak dapat lagi bekalan duit.

"Kalau ada sesiapa yang hendak, dialah yang hendak menerima duit asalkan dia boleh adakan seminar mengenai Malaysia. Jadi, sekarang ini pembekal duit dia dok ada di dalam, tak boleh lagi bekal duit," katanya sambil menunjukkan keratan akhbar mengenai laporan itu.

Laporan itu antara lain menyebut Paal sebagai salah seorang saksi yang dipanggil oleh siasatan Jawatankuasa Kecil Kongres Amerika Syarikat mengenai 'Malaysia: Menilai Agenda Mahathir'.

Tema asal siasatan itu ialah 'Malaysia di bawah kepimpinan Mahathir' tetapi diubah untuk memberi gambaran yang lebih negatif. Saksi lain ialah Timbalan Penolong Setiausaha Negara bagi Hal Ehwal Asia Timur dan Pasifik AS, Ralph Boyce dan rakyat Singapura yang mengajar di Sekolah Perniagaan Universiti Michigan.

Dalam ucapannya selama sejam 42 minit itu, Dr Mahathir juga menafikan sekeras-kerasnya tuduhan wujud sebarang konspirasi untuk menjatuhkan bekas timbalannya itu.

"Tuduhan bahawa saya mengadakan konspirasi untuk menjatuhkan Datuk Seri Anwar adalah tidak munasabah. Saya tidak pernah berkonspirasi terhadap sesiapa termasuk bekas Timbalan Perdana Menteri lain, Tengku Razaleigh Hamzah dan pemimpin Umno lain yang tersingkir atau digugurkan dahulu.

"Sebaliknya, saya yang menjadi mangsa pakatan untuk menjatuhkan saya," tegas Dr Mahathir.

Perdana Menteri menjelaskan, konspirasi seperti dituduh dilakukan oleh beliau bukan sesuatu yang mudah dibuat dan dirahsiakan kerana begitu ramai perlu terbabit.

Menurutnya, jika beliau mahu mengadakan konspirasi seperti dakwaan itu, ramai pegawai polis, pendakwar raya, hakim, lelaki dan perempuan yang menjadi mangsa Anwar, semua menteri besar dan ketua menteri, semua ahli Majlis Tertinggi serta ramai orang lain perlu tahu.

Malah, ujar Dr Mahathir, mustahil konspirasi itu tidak sampai ke

pengetahuan umum berbulan-bulan sebelum Anwar disingkir.

"Di Malaysia di mana rahsia sukar disimpan, di mana surat-surat layang dan Internet bermaharajalela, menyembunyi komplot membabitkan berpuluh orang terdiri daripada pemandu kereta, perempuan tertentu sehingga kepada pegawai tinggi polis, jabatan pendakwa raya dan kehakiman, adalah mustahil.

"Konspirasi besar seperti ini tentu akan terbongkar dan tersebar luas berbulan-bulan sebelum apa-apa berlaku, kerana konspirasi mengambil masa panjang untuk dirancang, diatur dan untuk mendapat kerjasama ramai yang perlu terbabit. Konspirasi tidak boleh diadakan serta-merta," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau hanya mempercayai kebenaran tuduhan terhadap bekas timbalannya itu apabila polis, selepas siasatan terhadap buku '50 Dalil' ekoran laporan Anwar sendiri, mendapati ada kebenaran dalam tuduhan buku itu.

Berbeza dengan ucapan dasarnya sebagai Presiden Umno sebelum ini yang mengelak menggunakan 'saya' kerana usaha memajukan negara bukan dilakukannya seorang, kali ini Dr Mahathir banyak menggunakan ganti nama itu.

Ini, katanya, kerana musuh, sama ada dari dalam dan luar negara, sedangkan menggunakan beliau sebagai belantan untuk membelasah serta menghancurkan Umno, sekali gus politik Melayu, dalam mempertahankan kedaulatan negara.

Dr Mahathir berkata, usaha berterusan dibuat secara bersungguh-sungguh untuk menebalkan kebencian kepada beliau supaya orang Melayu menolak Umno.

"Mereka percaya walaupun yang akan terhasut hanyalah sebilangan kecil orang Melayu menyokong Umno, ia mungkin dapat melemah dan menjejaskan perjuangan Umno serta mengurangkan majoriti dua pertiga BN, yang penting bagi kestabilan dan kemajuan negara.

"Sebab itulah kali ini saya banyak menyebut 'saya' kerana ada keperluan untuk menjelas akan apa sebenarnya dilakukan oleh saya, kerana kredibiliti saya telah dijadikan satu isu pada masa ini," katanya.

(END)